

21 NOV 1996

Abdullah-Mindanao

MALAYSIA SEDIA HULUR BANTUAN TEKNIKAL KEPADA MINDANAO

MANILA, Nov 21 (Bernama) -- Malaysia bersedia membantu Mindanao mewujudkan tenaga kerja terlatih bagi membolehkan penduduk tempatan mengambil bahagian dalam pembangunan pulau itu yang terletak di selatan Filipina, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata perkara itu dinyatakannya pada pertemuan beliau dengan Gabenor Mindanao, Nor Misuari, di sini.

"Nor Misuari melahirkan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia serta mendapatkan bantuan teknikal bagi membantu beliau memajukan Mindanao," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Abdullah berada di sini untuk menghadiri mesyuarat peringkat menteri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bermula esok yang akan berakhir dengan persidangan ketua-ketua 18 anggota kumpulan itu 25 Nov ini.

"Nor Misuari ingin benar berbuat sesuatu bagi membolehkan penduduk Mindanao menikmati pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi," katanya.

Nor Misuari baru-baru ini memeterai perjanjian damai dengan kerajaan Filipina bagi menamatkan perebutan wilayah di Mindanao.

Katanya antara bidang-bidang yang boleh diceburi usahawan Malaysia untuk membangunkan Mindanao ialah pertanian, infrastruktur, telekomunikasi, galian dan pembangunan industri kecil dan sederhana.

Abdullah berkata pulau itu yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Pembangunan Asia Timur sememangnya perlu turut serta dalam arus pembangunan di kawasan berkenaan.

Menyentuh soal keselamatan di Mindanao, beliau berkata para usahawan Malaysia tidak perlu bimbang kerana keadaan di sana kini lebih baik berbanding dulu.

"Di negara-negara maju pun tidak ada tempat yang 100 peratus selamat... dan dengan keyakinan yang ada, mereka boleh pergi ke Mindanao," katanya.

Sementara itu, Nor Misuari berkata Mindanao bersedia menerima sebarang cadangan perniagaan daripada ahli-ahli perniagaan Malaysia.

Beliau berkata pulau itu sesuai untuk kegiatan perladangan dan ia juga mempunyai banyak sumber galian seperti besi, tembaga putih dan emas.

Nor Misuari juga berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana memberi galakan kepadanya dalam memperjuangkan keamanan di Mindanao.

Abdullah turut mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Jepun Yukihiko Ikeda yang melahirkan pandangan positif berhubung isu kemasukan anggota baru ke dalam Apec dan sokongan Jepun terhadap isu keanggotaan Vietnam dalam kumpulan itu.

Beliau berkata Ikeda juga berharap Malaysia memberikan pertimbangan terhadap pandangan-pandangan yang dikemukakan Jepun pada mesyuarat Apec nanti.

"Bagaimanapun, saya menyatakan kepada beliau bahawa Apec perlu kekal sebagai sebuah forum kerjasama ekonomi dan agenda lain seperti keselamatan tidak sepatutnya dimasukkan kerana sudah ada Forum Serantau Asean untuk tujuan itu," kata Abdullah.

Beliau berkata Ikeda menyatakan kemungkinan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto melawat Malaysia sedikit masa lagi dan pada masa yang sama berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat lawatan rasmi ke Jepun.

-- BERNAMA

MAM NAK